

**NO SOALAN :12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.11.2017**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pesanan baru untuk pembelian pesawat-pesawat Boeing 787 dan 737 bertujuan untuk menjadikan ia aset MAS atau untuk di sewa oleh MAS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan bagi membeli pesawat tambahan iaitu 8 buah pesawat penumpang Boeing 787 Dreamliners dan 8 buah pesawat Boeing 737 MAX oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB) bagi memenuhi keperluan berdasarkan pertumbuhan pesat MAB khususnya bagi sektor penerbangan

antarabangsa selaras dengan perancangan pengembangan operasi MAB di laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Perjanjian yang ditandatangani di antara pihak MAB dan The Boeing Company (Boeing) merupakan *non binding Memorandum of Understanding (MOU)* yang memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. Pesawat-pesawat tersebut akan disewa atau dipajak oleh MAB dan seterusnya akan dipulangkan kepada pemajak (*lessor*) apabila tamat tempoh pajakan kelak. Pembiayaan bagi pembelian pesawat-pesawat ini akan dibuat secara pajakan sama ada secara *operating lease* atau *finance lease* bergantung kepada rundingan kelak. Bayaran sewa pajakan tersebut akan menggunakan peruntukan daripada hasil operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah mengkaji semula keperluan penggunaan pesawat-pesawat sedia ada agar bersesuaian dengan model perniagaan baharu syarikat. 6 buah pesawat Boeing 777-200ER telah dipajak oleh MAB dan kesemuanya

telah dipulangkan kepada pemajak-pemajak (*lessors*) memandangkan pesawat-pesawat berkenaan tidak lagi diperlukan di dalam operasi syarikat. Manakala 6 buah pesawat Airbus A380 telah dipajak oleh MAB dan kesemuanya belum dipulangkan kepada *lessors*, ia masih lagi digunakan di dalam operasi syarikat untuk penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur-London pada ketika ini. Walau bagaimanapun, pesawat yang lebih canggih dan moden iaitu Airbus A350-900 bakal menggantikan pesawat Airbus A380 ini secara berperingkat mulai pada Januari 2018 bagi operasi penerbangan biasa. Manakala bagi langkah perniagaan selanjutnya, pihak MAB merancang untuk menggunakan pesawat Airbus A380 berkenaan bagi penawaran perkhidmatan catar haji dan umrah yang dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2018.

Lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (YAB PM) bersama delegasi Malaysia ke Amerika Syarikat pada 11 hingga 13 September 2017 telah berjaya meningkat dan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia-Amerika Syarikat baik dari segi politik, ekonomi, serta kerjasama dengan Amerika Syarikat di peringkat antarabangsa. Pelbagai bidang kerjasama dua hala telah dibincangkan terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, keselamatan serta tindakan-tindakan bagi membanteras keganasan. Antara hasil utama daripada lawatan YAB PM ini adalah

peningkatan pelaburan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan kerjasama antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) dengan The Boeing Company (Boeing). Lawatan ini adalah tiada kena-mengena sama sekali dengan agenda peribadi YAB PM untuk mendapatkan peluang bergambar dengan Presiden Donald J.Trump, sebaliknya di atas dasar jemputan secara rasmi daripada pihak Presiden sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan rangka kerja di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad mulai 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan mengembangkan operasinya ke laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) seperti pesawat Boeing 737 MAX 10 yang akan menguntungkan syarikat penerbangan tersebut dengan kos tempat duduk paling murah dalam kelasnya. Pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pula bersifat *flexible* dimana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam. Pesawat-pesawat ini mempunyai kecanggihan daripada segi teknologi

dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien daripada segi penggunaan minyak dan bahan api yang dapat menjimat dan meminimalkan kos operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan pesawat jenis baharu ini akan membolehkan MAB bersaing dengan lebih kompetitif dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain terutamanya daripada segi kos penerbangan. Cadangan pembelian 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner dan 8 buah pesawat Boeing 737 MAX dibuat berdasarkan keperluan operasi syarikat. Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat dengan pihak Boeing ini juga adalah merupakan *non-binding Memorandum of Understanding* (MOU) dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan rangka kerja di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan mengembang-kan operasinya ke

laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) seperti pesawat Boeing 737 MAX 10 yang akan menguntungkan syarikat penerbangan tersebut dengan kos tempat duduk paling murah dalam kelasnya. Pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pula bersifat *flexible* dimana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam. Pesawat-pesawat ini mempunyai kecanggihan daripada segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien daripada segi penggunaan minyak dan bahan api yang dapat menjimat dan meminimakan kos operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Khazanah telah menubuhkan Pusat Pembangunan Korporat (CDC) yang mula beroperasi pada 1 Jun 2015 untuk menawarkan latihan dan penempatan perkhidmatan secara percuma untuk bekas kakitangan Malaysian Airline System Berhad (MAS) yang meninggalkan syarikat penerbangan tersebut, sejajar dengan pelaksanaan PPM. Antara program dan latihan yang disediakan termasuk profil bakat, kaunseling kerjaya, latihan asas dan terperinci, kemahiran pencarian pekerjaan, keusahawanan, perancangan

persaraan dan penempatan semula.

Sehingga 20 Oktober 2017, bekas kakitangan MAS yang tidak ditawarkan pekerjaan di syarikat baharu (MAB) dan layak menerima latihan di CDC, telah pun mendaftar dan menjalani pelbagai jenis latihan di pusat latihan yang dibangunkan oleh Khazanah. Ini memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan di lain-lain sektor dan sebahagian daripada mereka telah pun memulakan pekerjaan baharu dalam bidang kerjaya pilihan masing-masing.